| kesilapan | kritis dan analitis | kegemilangan | berbangga |
| patriotisme | peristiwa sejarah | adat istiadat | memajukan |

(a) Sejarah membawa pengajaran dan iktibar daripada peristiwa masa lalu agar tidak mengulangi kesilapan yang sama.

(b) Dengan mempelajari sejarah, kita dapat mengenal asal usul keluarga dan negara kita dan memahami adat istiadat, tradisi dan budaya bangsa.

(c) Sejarah menjadi sumber kesedaran kepada generasi masa kini dalam meneruskan hubungan harmoni antara kaum di negara kita.

(d) Sejarah memupuk semangat patriotisme atau semangat cinta akan tanah air dan berbangga menjadi warganegara Malaysia.

(e) Melalui sejarah, kita dapat mengekalkan kegemilangan yang dicapai oleh negara dan berusaha memajukan negara.

(f) Sejarah mampu meningkatkan pemikiran kritis dan analitis serta mendorong seseorang memahami peristiwa sejarah secara empati.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**18.** Pandemik COVID-19 telah merebak di Malaysia pada 25 Januari 2020. Kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk melaksanakan perintah berkurung separa negara yang dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan untuk mengekang pertambahan kes positif dalam negara.

**SP** 1.1.7
**KBAT** Mengaplikasi

Hasilkan satu laporan yang mengandungi maklumat berikut. **TP 5**

(a) Nama peristiwa
(b) Tarikh peristiwa
(c) Kesan kepada masyarakat dan negara
(d) Iktibar peristiwa tersebut kepada diri




KUIZ GAMIFIKASI
Bab 1

PRAKTIS REFLEKSI
Bab 1

INFO
COVID-19 di Malaysia

**19.** Pilih peristiwa bersejarah di Malaysia. Kemudian, tulis satu laporan yang mengandungi maklumat berikut. **TP 6**

**SP** 1.1.7
**KBAT** Mengaplikasi




*Tahap Penguasaan Bab 1* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PRAKTIS UASA 1

ePP+ PRAKTIS EKSTRA

PBD Sumatif

## BAHAGIAN A

**1.** Apakah definisi sejarah mengikut *Kamus Dewan*?
Buku Teks ms. 4

A Salasilah
B Pengajaran
C Penceritaan
D Penyelidikan

Aras R Mengingat

**2.** Gambar berikut merujuk kepada sejarawan tempatan.
Buku Teks ms. 5



Apakah pengertian sejarah berdasarkan pandangan beliau?

A Ibu kepada semua bidang
B Dialog masa kini dengan masa lampau
C Peristiwa yang berlaku pada masa depan
D Perubahan yang berlaku pada masyarakat

Aras S Memahami

**3.** Apakah maksud dekad?
Buku Teks ms. 6

A 10 tahun
B 50 tahun
C 100 tahun
D 1000 tahun

Aras R Mengingat

**4.** Apakah faktor yang mendorong sejarawan membahagikan penulisan mereka kepada tema tertentu seperti politik, ekonomi dan sosial?
Buku Teks ms. 6

A Mengikut arahan pemerintah
B Mencontohi sejarawan Barat
C Ruang dalam sejarah yang luas
D Masa silam yang sempit dan terbatas

Aras S Menganalisis

**5.** Gambar berikut menunjukkan sumber sejarah.
Buku Teks ms. 8



Apakah jenis sumber sejarah tersebut?

A Sumber primer
B Sumber saintifik
C Sumber sekunder
D Sumber zaman batu

Aras R Memahami

**6.** Mengapakah sumber sejarah berikut diklasifikasikan sebagai sumber primer?
Buku Teks ms. 8

- Manuskrip
- Batu bersurat

A Bersifat asli
B Mudah dikaji
C Disimpan di muzium
D Berasaskan kajian saintifik

Aras S Menganalisis

**7.** Kaedah lisan merupakan proses mendapatkan maklumat melalui
Buku Teks ms. 12

A temu bual
B penyelidikan
C kajian saintifik
D sumber bertulis

Aras S Memahami

**8.** Gambar berikut menunjukkan kaedah penyelidikan dalam sejarah.
Buku Teks ms. 14



Apakah sumber yang ditemui menggunakan kaedah tersebut?

A Artifak kapal karam
B Fakta pembukaan kota
C Bukti kedatangan Islam
D Peralatan manusia purba

Aras S Menganalisis

**9.** Mengapakah tafsiran tentang sesuatu peristiwa sejarah yang sama mungkin berbeza antara sejarawan?
Buku Teks ms. 16

A Gagal mentafsir
B Pandangan berbeza
C Kurang pengalaman
D Sumber sangat terhad

Aras S Menganalisis

**10.** Apakah kepentingan mempelajari sejarah?
Buku Teks ms. 18

I Mencontohi kuasa Barat
II Menghargai jasa penjajah
III Mengenal asal usul keluarga
IV Memupuk rasa cinta akan negara

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras T Menilai

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PBD Sumatif

# BAHAGIAN B

**1.** Maklumat berikut tentang pengertian sejarah.

Buku Teks ms. 4-5

> Secara umumnya sejarah ialah peristiwa yang berlaku pada masa lalu. Peristiwa masa lalu yang berlaku dalam kehidupan sesebuah masyarakat atau negara akan dikaji oleh sejarawan.

(a) Jelaskan maksud sejarah berdasarkan *Kamus Dewan*.

Sejarah ialah asal usul (keturunan), salasilah. Peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah dan tambo (riwayat dahulu kala). Sejarah merupakan kajian atau pengetahuan tentang peristiwa yang telah lalu.

Aras S Mengingat [2 *markah*]

(b) Nyatakan pengertian sejarah mengikut pandangan tokoh berikut.

(i) E.H. Carr

Sejarah merupakan tindak balas pembaca terhadap penulisan sejarah, iaitu fakta-fakta yang ditulis oleh sejarawan.

Aras S Mengingat [2 *markah*]

(ii) Ibn Khaldun

Sejarah membicarakan perkara tentang masyarakat manusia, peradaban dunia dan perubahan yang berlaku pada sifat masyarakat itu.

Aras S Mengingat [2 *markah*]

(c) Terdapat segelintir masyarakat Malaysia yang tidak mengetahui sejarah negara. Cadangkan cara-cara untuk mengelakkan diri kita daripada menjadi "Buta Sejarah".

(i) Meminati subjek Sejarah.

(ii) Membaca buku-buku sejarah.

(iii) Melawat ke muzium atau arkib.

(iv) Membaca akhbar dan mengambil tahu isu semasa.

Aras T Mencipta [4 *markah*]

**KLU SOALAN**

Sumber primer ialah sumber yang bersifat asli, belum diolah atau diterbitkan serta belum ditafsir oleh sejarawan.

**2.** Gambar berikut menunjukkan contoh sumber sejarah.

Buku Teks ms. 8



PBD Sumatif

(a) Nyatakan **tiga** ciri-ciri sumber sejarah tersebut.

(i) Bersifat asli.

(ii) Belum ditafsir.

(iii) Belum diolah atau diterbitkan.

Aras S Mengingat [3 *markah*]

(b) Jelaskan kebaikan mengkaji peristiwa sejarah menggunakan pelbagai sumber sejarah.

(i) Menghasilkan kajian dengan bukti yang kukuh.

(ii) Menilai sesuatu peristiwa sejarah dari sudut berbeza.

(iii) Mendorong kita berfikiran terbuka dan kritis.

Aras S Menganalisis [3 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, apakah kesan jika tiada sumber sejarah?

(i) Kaedah penyelidikan tidak boleh dilakukan.

(ii) Peristiwa sejarah tidak dapat dibuktikan kesahihannya.

(iii) Peristiwa sejarah akan dipengaruhi unsur lain seperti dongeng dan mitos.

(iv) Peristiwa sejarah dilupakan kerana tiada warisan dapat ditatap oleh generasi akan datang.

Aras T Menilai [4 *markah*]

## BAHAGIAN C

**KLU SOALAN**

Sejarawan menggunakan beberapa kaedah pengkajian sejarah untuk mendapatkan maklumat sejarah dengan tepat. Kaedah yang digunakan ialah kaedah lisan, kaedah bertulis dan kaedah arkeologi.

**1.** (a) Jelaskan maksud penyelidikan dalam sejarah berikut:

Buku Teks ms. 10-13

(i) Kaedah lisan — Aras R Memahami [3 *markah*]

(ii) Kaedah bertulis — Aras R Memahami [3 *markah*]

(b) Gambar berikut menunjukkan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah.



Terangkan kaedah penyelidikan sejarah tersebut. — Aras S Menganalisis [6 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah sumber sejarah penting kepada sejarawan?

Aras T Menilai [8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# BAB 2 Zaman Air Batu

Nota Xpress

ePP+ POWERPOINT

## 2.1 Pembentukan Fizikal Bumi

1. **650 juta** tahun dahulu, bumi tiada hidupan.
2. **390 juta** tahun dahulu, air laut masih tawar dan wujud ikan dan amfibia.
3. **195 juta** tahun dahulu, wujud Zaman Jurasik dan hidupan utama ialah dinosaur.
4. **94 juta** tahun dahulu, dinosaur pupus dan rupa bentuk benua mula kelihatan.
5. **18,000** tahun dahulu, paras air laut meningkat. Anjing, kucing, badak sumbu, dan kuda telah wujud.

## 2.2 Garis Masa Zaman Air Batu

1. Zaman Air Batu terbahagi kepada Zaman Miosen, Zaman Pliosen, Zaman Pleistosen, dan Zaman Holosen.
2. Menurut ahli paleontologi, hidupan di bumi bermula semenjak **545 juta** tahun dahulu.
3. Kepelbagaian spesies binatang berkait rapat dengan perubahan iklim dan peringkat zaman yang dilaluinya.

## 2.3 Tahap Zaman Air Batu

1. **Zaman Miosen** berlaku 23 juta – 5 juta tahun dahulu. Gunung-ganang yang wujud pada hari ini telah terbentuk secara fizikal. Wujud mamalia, hidupan di laut, dan di air. Suhu dunia panas dan kering.
2. **Zaman Pliosen** berlaku 5.3 juta – 2.6 juta tahun dahulu. Penyejukan dan pengeringan alam sekitar global pada masa itu menyumbang kepada penyebaran padang rumput dan savana. Terbentuk jambatan darat Panama antara Amerika Utara dan Amerika Selatan yang mendorong penghijrahan tumbuhan dan haiwan ke habitat baharu. Terbentuk dataran tinggi Colorado, Amerika Syarikat yang dikenali sebagai Grand Canyon.
3. **Zaman Pleistosen** berlaku 2.5 juta – 10,000 tahun dahulu. Glasier berlaku sebanyak 11 kali. Manusia mengetahui cara membuat api. Kebanyakan binatang ketika itu masih kekal hingga kini. Sekitar 50,000 tahun dahulu, manusia telah sampai ke Australia melalui jalan darat dari Asia Tenggara (Pentas Sunda).
4. **Zaman Holosen** bermula 10,000 tahun dahulu hingga kini. Berlaku kemajuan dalam pendidikan, pentadbiran, keagamaan, dan undang-undang.

## 2.4 Ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir

1. **Aras laut** – Permukaan air laut membeku. Paras air laut rendah.
2. **Ciri fizikal bumi** – Permukaan air laut membeku. Menyebabkan sebahagian besar bumi dilitupi salji.
3. **Binatang** – Binatang seperti mamot berbulu, badak, kuda, dan singa tinggal di kawasan tanah pamah yang sejuk.



4. **Tumbuhan** – Tumbuhan utama ialah rumput dan tumbuhan renek yang menjalar.
5. **Suhu** – Suhu dunia terlalu sejuk. Dunia dilitupi salji terutama di kawasan kutub dan Benua Eropah.
6. **Kehidupan manusia** – Terdapat manusia yang tinggal di kawasan tanah pamah yang sejuk.

## 2.5 Perubahan Zaman Air Batu Akhir

1. **Glasier** telah mengubah bentuk fizikal bumi. Air batu yang cair dari tanah tinggi dan gunung akan membawa batu dan tanah semasa menuruni tanah tinggi. Lebihan air yang dibawa akan melimpahi ke kawasan laut. Kesannya, berlaku **perubahan paras air laut** dengan kedalaman 100 meter.
2. Kecairan air batu membentuk **tasik air tawar** seperti Tasik Dayang Bunting di Malaysia dan Great Lakes di Kanada.
3. **Kepupusan binatang** yang hidup pada Zaman Pleistosen seperti mamot, sloth, dan harimau bertaring.
4. Manusia perlu menyesuaikan aktiviti harian dengan perubahan iklim. Mereka **berhijrah** dari Benua Afrika ke Benua Asia dan Benua Eropah.
5. Iklim bumi berubah daripada terlalu sejuk kepada **sederhana sejuk**. Kegiatan radiasi bumi yang berlaku daripada sinaran matahari menjadi penyebab utama **peningkatan suhu bumi**.
6. Kesan perubahan Zaman Air Batu Akhir di Asia Tenggara ialah **kenaikan paras air laut** di Pentas Sunda dan **pergerakan manusia** di sekitarnya.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# 2.1 Dunia Kita

PBD *Formatif*

*Buku Teks ms. 28 – 29*

**1.** Gariskan jawapan yang betul. **TP 1**

**SP 2.1.1**

(a) Bumi pada hari ini telah melalui pelbagai perubahan yang memberikan kesan terhadap rupa bentuk (mental : fizikal), iklim, cuaca, hidupan dan kedalaman (daratan ; lautan).

(b) Kemajuan ilmu (sejarah : sains) dan teknologi membantu manusia untuk mengetahui sejarah yang berlaku kepada bumi sejak (jutaan : ratusan) tahun dahulu.

(c) Pengetahuan dalam bidang paleontologi, (kimia ; matematik), arkeologi, geologi, dan (agama : fizik) membantu ahli sains membuat penyelidikan tentang perubahan yang berlaku kepada bumi.

(d) Geologi berasal daripada dua perkataan (Arab : Greek), iaitu *geo* yang bermaksud bumi dan *logia* yang bermaksud sains. Oleh itu, geologi bermaksud bidang ilmu yang mengkaji (pembentukan : perubahan) bumi.

(e) Ahli sains menjangkakan bahawa usia bumi melebihi (1.5 : 4.6) bilion tahun dan telah mengalami banyak perubahan dari segi (iklim : lokasi) dan fizikal.

**2.** Namakan haiwan Zaman Air Batu berikut dengan betul. **TP 1**

**SP 2.1.1**

| *Bison occidentalis* | *Harimau bertaring panjang* | *Wolly mammoth* | *Sloth* |
|---|---|---|---|

**TUTORIAL**

**Dunia Kita**



(a) *Wolly mammoth*



(c) *Bison occidentalis*



(b) *Sloth*



(d) *Harimau bertaring panjang*

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**3.** Lengkapkan rajah berikut tentang pembentukan fizikal bumi. *i-Think* **Peta Alir** **TP 1**

**SP** 2.1.1

**650 juta tahun**

(a) Tiada hidupan di bumi.

→

**390 juta tahun**

(b) Air laut masih tawar. Terdapat hidupan seperti ikan dan amfibia.

→

**195 juta tahun**

(c) Dipanggil Zaman Jurasik. Hidupan utama ialah dinosaur.

→

**94 juta tahun**

(d) Dinosaur pupus dan rupa bentuk benua mula kelihatan.

→

**18,000 tahun**

(e) Paras air laut meningkat. Anjing, kucing, badak sumbu dan kuda telah wujud.

→

**Pada hari ini**

(f) Bentuk fizikal bumi terdiri daripada daratan dan lautan.

**4.** Lengkapkan peta berikut yang menunjukkan kawasan benua dan lautan. **TP 2**

**SP** 2.1.1




| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **A** | Benua Amerika Utara | | **E** | Benua Asia |
| **B** | Benua Amerika Selatan | | **F** | Lautan Atlantik |
| **C** | Benua Afrika | | **G** | Lautan Hindi |
| **D** | Benua Eropah | | **H** | Lautan Pasifik Utara |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 2.2 Zaman Air Batu

PBD Formatif

Buku Teks ms. 30 – 31

**5.** Lengkapkan petikan berikut tentang Zaman Air Batu. **TP 2**

SP 2.1.2

| | | | |
|---|---|---|---|
| membeku | pergunungan | suhu bumi | tahap kedua |
| suhu panas | lapisan ais | pengglasieran | Kutub Selatan |

Zaman Air Batu merupakan garis masa geologi yang menunjukkan (a) suhu bumi menurun pada tahap (b) membeku dalam jangka masa yang lama. Air batu tebal yang dikenali sebagai (c) lapisan ais menutupi Kutub Utara dan (d) Kutub Selatan. Lapisan ais ini menyebabkan kawasan air batu menjadi luas di kawasan kutub dan (e) pergunungan.

Pada akhir Zaman Air Batu, bumi mengalami proses (f) pengglasieran (kecairan air batu). Terdapat tiga tahap berlakunya glasier, iaitu tahap pertama (900 – 600 juta tahun dahulu), (g) tahap kedua (250 – 80,000 juta tahun dahulu) dan tahap ketiga (10,000 tahun dahulu). Zaman Air Batu berakhir apabila iklim dunia berubah kepada (h) suhu panas.

**6.** Gambar berikut berkaitan dengan Teori Milankovitch. **TP 2**

SP 2.1.2






| Soalan | Jawapan |
|---|---|
| (a) Namakan tokoh tersebut. | Milutin Milankovitch |
| (b) Jelaskan kesan pusingan bumi mengelilingi matahari. | Menyebabkan berlakunya pelbagai perkembangan dan perubahan pada Zaman Air Batu. |
| (c) Bagaimanakah berlakunya kecairan air batu? | Apabila bumi menghampiri matahari, suhu bumi menjadi panas dan menyebabkan berlakunya kecairan air batu. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**7.** Lengkapkan ayat berikut tentang tahap Zaman Air Batu. MAHIR UASA TP 3

SP 2.1.2

**(a) Zaman Miosen**

- Berlaku 23 juta – 5 juta tahun dahulu.
- Gunung-ganang terbentuk secara fizikal.
- Wujud mamalia serta hidupan di laut dan di air.
- Suhu dunia panas dan kering.

**(b) Zaman Pliosen**

- Berlaku 5.3 juta – 2.6 juta tahun dahulu.
- Berlaku penyejukan global Zaman Miosen yang lebih panas.
- Penyejukan dan pengeringan alam sekitar global pada masa itu menyumbang kepada penyebaran padang rumput dan savana.
- Terbentuk jambatan darat Panama antara Amerika Utara dan Amerika Selatan yang mendorong penghijrahan tumbuhan dan haiwan ke habitat baharu.
- Terbentuk dataran tinggi di Colorado, Amerika Syarikat yang dikenali sebagai Grand Canyon.

**(c) Zaman Pleistosen**

- Berlaku 2.5 juta – 10,000 tahun dahulu.
- Berlaku glasier utama sebanyak 11 kali.
- Manusia telah mengetahui cara membuat api.
- Kebanyakan binatang ketika itu masih kekal hingga kini.
- Manusia telah sampai ke Australia melalui jalan darat dari Asia Tenggara (Pentas Sunda) sekitar 50,000 tahun dahulu.

**(d) Zaman Holosen**

- Berlaku 10,000 tahun dahulu hingga kini.
- Menunjukkan kemajuan dalam kehidupan manusia.
- Manusia mengetahui cara mendapatkan makanan melalui kegiatan pertanian.
- Roda dan tulisan kunieform dicipta kira-kira 5,500 tahun dahulu.
- Perkembangan tamadun manusia dalam bidang pendidikan, pentadbiran, keagamaan dan undang-undang.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# 2.3 Garis Masa Zaman Air Batu

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 32 – 33*

**8.** Nyatakan tahap Zaman Air Batu. **TP 1**

SP 2.1.3

| | |
|---|---|
| (a) Zaman Miosen | 23 – 5 juta |
| (b) Zaman Pliosen | 5 – 2 juta |
| (c) Zaman Pleistosen | 2.5 – 10,000 |
| (d) Zaman Holosen | 10,000 – Kini |

**9.** Namakan hidupan berikut dengan betul. **TP 2**

SP 2.1.3

*Stegosaurus* | *Trilobite* | *Coiled Cephalopod* | *Diatryma*

*Deinotherium* | *Dipterus* | *Eurypterids* | *Hyracotherium*



(a) *Deinotherium*



(b) *Dipterus*



(c) *Trilobite*



(d) *Eurypterids*



(e) *Hyracotherium*



(f) *Stegosaurus*



(g) *Diatryma*



(h) *Coiled Cephalopod*

CETUS IDEA

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 2.4 Ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir

PBD Formatif

Buku Teks ms. 34 – 35

**10.** Jelaskan ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir berdasarkan aspek berikut. **TP 3**

SP 2.1.4

NOTA VISUAL

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Suhu dunia terlalu sejuk. Dunia dilitupi salji terutama di kawasan kutub dan Benua Eropah. | Suhu |
| (b) | Permukaan air laut membeku. Paras air laut rendah. Pulau-pulau bersambung dengan tanah besar. Memudahkan manusia dan binatang bermigrasi. | Aras laut |
| (c) | Binatang seperti mamot berbulu, badak, kuda, dan singa tinggal di kawasan tanah pamah yang sejuk. | Binatang |
| (d) | Tumbuhan utama ialah rumput dan tumbuhan renek yang menjalar. | Tumbuhan |
| (e) | Terdapat manusia yang tinggal di kawasan tanah pamah yang sejuk dan hidup secara nomad dan memburu binatang. | Kehidupan manusia |
| (f) | Permukaan air laut membeku menyebabkan sebahagian besar bumi dilitupi salji. | Ciri fizikal bumi |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 2.5 Perubahan Zaman Air Batu

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 36 – 37*

NOTA VISUAL PENDIDIKAN SIVIK 2

**11.** Tandakan (✓) pada jawapan yang betul. **TP 3**

**SP 2.1.5**

(a) Apakah bahan yang dibawa oleh air batu yang cair dari kawasan gunung semasa menuruni tanah tinggi?

| | | | |
|---|---|---|---|
| Batu dan tanah | ✓ | Kayu dan pasir | |

(b) Nyatakan kesan penting perubahan Zaman Air Batu.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Perubahan fizikal manusia | | Perubahan rupa bentuk fizikal bumi | ✓ |

(c) Namakan tasik air tawar yang terbentuk kesan daripada kecairan air batu.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Tasik Kenyir | | Tasik Dayang Bunting | ✓ |

(d) Apakah binatang yang pupus pada Zaman Air Batu Akhir?

| | | | |
|---|---|---|---|
| Sloth dan mamot | ✓ | Badak dan gajah | |

**12.** Gariskan jawapan yang betul. **TP 4**

**SP 2.1.4**

(a) Zaman Air Batu Akhir juga dikenali sebagai Zaman (Holosen ; Pliosen).

(b) Perubahan (masa : iklim) telah memberikan kesan besar terhadap kehidupan manusia kerana perlu menyesuaikan aktiviti harian dengan perubahan iklim.

(c) Manusia berhijrah dari Benua (Amerika : Afrika) ke Benua Asia dan Benua Eropah.

(d) Penghijrahan tersebut disebabkan suhu di Benua Asia dan Benua Eropah tidak lagi terlalu (sejuk : panas).

(e) Kegiatan radiasi bumi yang berlaku daripada sinaran (bulan : matahari) menjadi penyebab utama peningkatan suhu bumi.

(f) Pengetahuan tentang iklim masa lalu terutamanya pada Zaman Air Batu membantu manusia menangani (perubahan : perbezaan) iklim dan berusaha mengekalkan kelestarian alam sekitar.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 2.6 Kesan Perubahan Zaman Air Batu di Asia Tenggara

PBD Formatif

Buku Teks ms. 38 – 39

**13.** Lengkapkan ayat di bawah dengan jawapan yang betul. **TP 3**

SP 2.1.6

| | | | |
|---|---|---|---|
| Selat Melaka | *stegodon* | fizikal | daratan |
| Zaman Holosen | bahasa Melayu | Pentas Sunda | persamaan |

(a) Sebelum 10,000 tahun dahulu, Asia Tenggara merupakan kawasan tanah luas terbentang yang menghubungkan kawasan daratan dengan kepulauan.

(b) Gugusan tanah luas terbentang itu dikenali sebagai Pentas Sunda yang menjadi tunjang kebenuaan di Asia Tenggara.

(c) Keadaan tersebut menyebabkan negara-negara di Asia Tenggara memiliki ciri-ciri fizikal dan hidupan yang hampir sama.

(d) Manusia di Asia Tenggara mempunyai persamaan dari segi kepercayaan, asal usul keturunan, bahasa, dan budaya.

(e) Contohnya, bahasa Melayu digunakan oleh penduduk di Malaysia, Indonesia, selatan Thailand, dan selatan Filipina.

(f) Kecairan air batu pada peringkat akhir Zaman Holosen menyebabkan terbentuknya sungai dan tasik di Asia Tenggara.

(g) Aliran sungai yang mengalir telah menenggelamkan kawasan tanah rendah di sepanjang tepi pantai dan membentuk Selat Melaka, Teluk Siam, dan Laut Jawa.

(h) Perubahan pada Zaman Air Batu Akhir telah memberi kesan kepada bentuk fizikal dan hidupan di Asia Tenggara seperti kepupusan haiwan bersaiz besar seperti pachycrocuta dan *stegodon*.

**14.** Lakukan aktiviti berikut.

SP 2.1.6

### Aktiviti PAK-21 — Perbincangan **TP 6**

(a) Bahagikan kelas kepada beberapa kumpulan kecil.

(b) Setiap kumpulan akan memilih kad mengandungi topik / isu yang diletakkan di atas meja untuk perbincangan kumpulan secara lisan atau bertulis:

(c) Antara isu perbincangan seperti:
- (i) Pencemaran air
- (ii) Pencemaran laut
- (iii) Pencemaran udara
- (iv) Pencemaran bunyi

(d) Setiap kumpulan akan membuat kajian dengan mendapatkan maklumat daripada surat khabar, ensiklopedia, atau Internet tentang maksud, punca, kesan, dan langkah mengatasi.

(e) Hasil dapatan dipersembahkan secara bertulis atau dibentangkan di hadapan kelas.

KBAT EKSTRA

KUIZ GAMIFIKASI

Bab 2

PRAKTIS REFLEKSI

Bab 2

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PRAKTIS UASA 2

PBD Sumatif

ePraktis Ekstra

## BAHAGIAN A

**1.** Apakah bidang ilmu yang mengkaji pembentukan bumi?
Buku Teks ms. 26
A Biologi
B Geologi
C Matematik
D Falsafah
Aras S Mengingat

**2.** Senarai berikut merujuk kepada pembentukan fizikal bumi.
Buku Teks ms. 28

- Bumi 390 juta tahun dahulu
- Air laut masih tawar

Apakah hidupan yang wujud pada zaman tersebut?
A Ikan
B Mamot
C Dinosaur
D Badak sumbu
Aras S Mengingat

**3.** Antara berikut, yang manakah merupakan lautan?
Buku Teks ms. 29
A Asia
B Afrika
C Eropah
D Atlantik
Aras S Mengingat

**4.** Gambar berikut menunjukkan Grand Canyon di Colorado, Amerika Syarikat.
Buku Teks ms. 30



Dataran tinggi tersebut dipercayai wujud pada zaman
A Miosen
B Holosen
C Pliosen
D Pleistosen
Aras S Menganalisis

**5.** Senarai berikut merujuk kepada Zaman Air Batu.
Buku Teks ms. 31

- Zaman yang bermula sejak 10,000 tahun dahulu hingga kini.
- Berlaku kemajuan dalam kehidupan manusia.

Apakah kemajuan yang dicapai pada zaman tersebut?
I Menjalankan aktiviti pertanian
II Mengetahui cara membuat api
III Menggunakan peralatan logam
IV Mencipta roda dan tulisan kuneiform
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
Aras T Menilai

**6.** Gambar berikut menunjukkan binatang Zaman Air Batu.
Buku Teks ms. 32



Apakah binatang tersebut?
A *Sloth*
B *Dipterus*
C *Trilobite*
D *Eurypterids*
Aras S Mengingat

**7.** Bagaimanakah kehidupan manusia pada Zaman Air Batu Akhir?
Buku Teks ms. 34
I Memburu binatang
II Hidup secara nomad
III Tinggal di pesisir sungai
IV Menternak dan bercucuk tanam
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
Aras S Menganalisis

**8.** Kecairan air batu menyebabkan kawasan tanah rendah ditenggelami oleh air dan membentuk
Buku Teks ms. 36
A tasik
B benua
C lautan
D dataran
Aras R Memahami

**9.** Apakah kesan perubahan iklim kepada kehidupan manusia?
Buku Teks ms. 37
I Kekal menetap
II Tinggal di tanah tinggi
III Berhijrah ke tempat baharu
IV Menyesuaikan dengan aktiviti harian
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
Aras T Menilai

**10.** Apakah ciri istimewa manusia yang tinggal di rantau Asia Tenggara?
Buku Teks ms. 38
A Berbeza budaya
B Berasal dari Benua Eropah
C Berkongsi bahasa yang sama
D Berubah menjadi masyarakat baharu
Aras S Menganalisis

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PBD Sumatif

## BAHAGIAN B

1. Maklumat berikut tentang dunia.

Buku Teks ms. 26 - 28

> Dunia merupakan bumi tempat tinggal kita dan tempat tinggal berjuta-juta hidupan yang lain. Bumi telah melalui pelbagai perubahan yang memberikan kesan terhadap rupa bentuk fizikal, iklim, cuaca, hidupan yang ada dan kedalaman lautan.

(a) Nyatakan bidang yang membantu kita membuat penyelidikan tentang perubahan yang berlaku kepada bumi.

(i) Kimia / arkeologi

(ii) Geologi / fizik / paleontologi

Aras S Mengingat [2 *markah*]

(b) Terangkan keadaan fizikal bumi pada tahun berikut:

(i) 650 juta tahun dahulu

Tiada kehidupan.

Aras S Memahami [2 *markah*]

(ii) 390 juta tahun dahulu

Air laut masih tawar. Wujud hidupan seperti ikan dan amfibia.

Aras S Memahami [2 *markah*]

(c) Apakah tujuan kita mempelajari tentang Zaman Air Batu?

(i) Mengetahui sejarah bumi.

(ii) Membantu manusia menghadapi cabaran pada masa depan.

(iii) Bersyukur dengan keunikan bumi.

(iv) Menjaga bumi daripada pencemaran dan kemusnahan.

Aras T Menilai [4 *markah*]

**KLU SOALAN**

Perubahan suhu yang meningkat pada Zaman Air Batu Akhir memberikan kesan terhadap bentuk fizikal dan hidupan di bumi.

2. Gambar berikut menunjukkan kecairan air batu yang dipanggil pengglasieran. Glasier telah mengubah wajah dan bentuk fizikal bumi.

Buku Teks ms. 36 - 37



(a) Apakah kesan perubahan Zaman Air Batu Akhir?

(i) Perubahan rupa bentuk fizikal bumi.

(ii) Kepupusan binatang yang hidup pada Zaman Pleistosen.

Aras S Memahami [2 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PBD Sumatif

(b) Senaraikan **empat** aktiviti manusia yang menyebabkan suhu dunia semakin meningkat.

(i) Pembakaran terbuka.

(ii) Kegiatan perindustrian.

(iii) Penebangan hutan secara haram.

(iv) Pembakaran minyak daripada enjin kenderaan.

Aras S Mencipta [4 *markah*]

(c) Cadangkan **empat** tindakan yang menunjukkan sikap sayang akan alam sekitar.

(i) Mengamalkan kitar semula.

(ii) Mengurangkan penggunaan beg plastik.

(iii) Menggunakan air dan elektrik secara berhemah.

(iv) Tidak membuang sampah merata-rata.

Aras T Mencipta [4 *markah*]

## BAHAGIAN C

**KLU SOALAN**

Zaman Air Batu Akhir mempunyai ciri-ciri khusus yang membezakannya dengan zaman-zaman lain. Perkembangan yang berlaku pada Zaman Air Batu Akhir memberikan kesan di Asia Tenggara, iaitu kenaikan paras air laut di Pentas Sunda dan pergerakan manusia di sekitarnya.

**1.** Buku Teks ms. 34 - 55

(a) Terangkan perubahan yang berlaku pada Zaman Air Batu Akhir berdasarkan aspek berikut:

(i) Suhu — Aras S Memahami [3 *markah*]

(ii) Aras laut — Aras S Memahami [3 *markah*]

Buku Teks ms. 38 - 39

(b) Gambar berikut menunjukkan Pentas Sunda dan perubahan peta Asia Tenggara.




*Rupa bentuk Asia Tenggara sebelum Zaman Holosen*



*Rupa bentuk Asia Tenggara pada hari ini*

Terangkan perubahan rupa bentuk Asia Tenggara. — Aras S Menganalisis [8 *markah*]

(c) Jelaskan tindakan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah pencemaran sungai.

Aras T Mencipta [6 *markah*]

# BAB 3 Zaman Prasejarah

Nota Xpress

## 3.1 Maksud Zaman Prasejarah

1. Zaman Prasejarah ialah zaman **manusia belum mengetahui dan mengenal tulisan**.
2. Tempoh masa Zaman Prasejarah:

| | |
|---|---|
| Zaman Paleolitik | 2.5 juta – 8,000 SM |
| Zaman Mesolitik | 12,000 – 4,000 SM |
| Zaman Neolitik | 10,000 – 2,000 SM |
| Zaman Logam | 3,500 SM – 500 M |

## 3.2 Lokasi Zaman Prasejarah di Asia Tenggara

1. **Ban Chiang, Thailand** merupakan tapak Zaman Neolitik dan Zaman Logam. Manusia Prasejarah menjalankan kegiatan menternak binatang, pertanian, pembuatan logam, tekstil, dan tembikar.
2. **Lenggong, Malaysia** membuktikan kehidupan manusia merentas Zaman Paleolitik, Hoabinhian, dan Neolitik.




3. **Gua Liang Bua, Pulau Flores di Indonesia** membuktikan kehidupan manusia Zaman Paleolitik hingga Zaman Logam. Penemuan fosil dinamakan *Flores Man* (*Home Floresiensis*).
4. **Gua Padah-lin** membuktikan kehidupan manusia Zaman Prasejarah di Myanmar.
5. **Sa Hyun, Vietnam** menjalankan aktiviti pembuatan tembikar.
6. **Gua Tabon, Filipina** menemui rangka manusia berusia antara 22,000 – 24,000 SM.

## 3.3 Kesinambungan Sumbangan Zaman Prasejarah kepada Kemajuan Kehidupan Manusia

1. **Aktiviti pertanian**
   (a) Kegiatan pertanian mula dijalankan pada Zaman Neolitik.
   (b) Tanaman yang ditanam ialah padi, gandum, dan barli.
2. **Memburu binatang**



   (a) Pada Zaman Prasejarah, manusia memburu binatang menggunakan senjata yang diperbuat daripada batu, kayu, tulang, gangsa, dan besi.



   (b) Manusia masa kini menggunakan sumpit, tombak, anak panah, dan senapang.
3. **Menternak binatang**
   (a) Manusia menternak binatang sejak Zaman Neolitik untuk membolehkan mereka mendapat sumber makanan berterusan.
   (b) Kini, penternakan dijalankan secara besar-besaran untuk menampung keperluan daging dan tenusu.
4. **Peralatan**
   (a) Manusia Zaman Batu menggunakan peralatan daripada batu, kayu, dan tulang dalam kehidupan mereka.
   (b) Peralatan gangsa dan besi dicipta apabila mereka mengetahui tentang campuran logam, acuan, dan suhu pembakaran.
5. **Tembikar**
   (a) Manusia Prasejarah menghasilkan tembikar untuk dijadikan bekas makanan, peralatan memasak, dan upacara ritual.
   (b) Pembuatan tembikar masih kekal hingga kini. Contohnya, industri labu sayong di Kuala Kangsar, Perak.
6. **Monumen dan seni bina**
   (a) Manusia Zaman Neolitik membina monumen untuk pelbagai tujuan.
   (b) Sebahagian binaan tersebut masih kekal sebagai warisan sejarah untuk diwarisi oleh generasi akan datang.
7. **Ideofak**
   (a) Manusia Zaman Prasejarah mengebumikan mayat dengan pelbagai peralatan dan bahan makanan.
   (b) Manusia masa kini masih mengamalkan penghormatan terhadap mayat mengikut kepercayaan dan agama masing-masing.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 3.1 Maksud Zaman Prasejarah

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 46 – 47*

**1.** Padankan zaman dengan ciri yang betul. **TP 1**

SP 3.1.1

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Zaman Batu | Menunjukkan tahap perkembangan teknologi dan corak kehidupan yang lebih baik. |
| (b) | Zaman Prasejarah | Merupakan zaman sebelum manusia mengetahui dan mengenal tulisan. |
| (c) | Zaman Paleolitik | Merujuk kepada penggunaan teknologi batu dalam kehidupan harian manusia pada zaman tersebut. |
| (d) | Zaman Mesolitik | Memperlihatkan cara hidup semakin berkembang dan tahu memburu dan menangkap ikan. |
| (e) | Zaman Neolitik | Dianggap sebagai zaman yang serba mencabar kerana manusia menggunakan teknologi serba ringkas. |

**2.** Lengkapkan jadual berikut tentang Zaman Batu. **TP 2**

SP 3.1.1

| | Zaman | Ciri-ciri |
|---|---|---|
| (a) | **Zaman Paleolitik**  | • Dianggap sebagai zaman yang serba mencabar.<br>• Menggunakan teknologi batu yang serba ringkas.<br>• Menggunakan peralatan daripada batu dan tulang binatang. |
| (b) | **Zaman Mesolitik**  | • Cara hidup semakin berkembang.<br>• Cuaca pada zaman ini tidak terlalu sejuk.<br>• Manusia memburu binatang dan menangkap ikan. |
| (c) | **Zaman Neolitik**  | • Corak kehidupan manusia semakin baik.<br>• Tahap perkembangan teknologi semakin berkembang.<br>• Wujud kawasan petempatan yang menjalankan kegiatan bercucuk tanam, membuat tembikar dan menternak binatang. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**3.** Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah. **TP 2**

SP 3.1.1

(a) Pada Zaman Logam, manusia melakukan inovasi logam besi dan emas dalam peralatan mereka. ✗

(b) Manusia Zaman Logam telah melakukan aktiviti pelayaran dan berjaya meneroka lautan. ✓

(c) Mereka turut menjalankan aktiviti pertukaran barangan dan peralatan berasaskan plastik. ✗

(d) Antara peralatan besi yang digunakan oleh manusia Zaman Logam ialah kapak, tulang mawas, pisau bersoket, beliung dan mata lembing. ✓

(e) Peralatan yang dicipta oleh manusia Zaman Logam digunakan untuk memburu, bertani dan memudahkan aktiviti harian mereka. ✓

**4.** Lengkapkan garis masa berikut. **TP 2**

SP 3.1.1

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Zaman Paleolitik | 2.5 juta tahun – 8,000 SM |
| (b) | Zaman Mesolitik | 12,000 – 4,000 SM |
| (c) | Zaman Neolitik | 10,000 – 2,000 SM |
| (d) | Zaman Logam | 3,500 SM – 500 M |

**5.** Jawab soalan berikut dengan tepat dan ringkas. **MAHIR UASA** **TP 4**

SP 3.1.1

KBAT Mengaplikasi

(a) Mengapakah corak kehidupan pada Zaman Neolitik lebih baik berbanding zaman sebelumnya?

Wujud kawasan petempatan yang mengamalkan aktiviti bercucuk tanam, membuat tembikar dan menternak binatang.

KBAT Menilai

(b) Apakah tujuan kita mempelajari Zaman Prasejarah?

Membolehkan kita mengetahui sejarah dan perkembangan tamadun manusia dan mencontohi nilai kreatif dan inovatif manusia Zaman Prasejarah.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# 3.2 Lokasi Zaman Prasejarah di Dunia

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 48 – 51*

**6.** Namakan lokasi Zaman Prasejarah di dunia. *i-Think* **Peta Buih** **TP 2**

SP 3.1.2

CETUS IDEA

**Lokasi Zaman Prasejarah di Dunia**

- Britain — (a) Stonehenge
- India — (b) Bhimbetka
- China — (c) Zhoukoudian
- Turki — (d) Gobekli Tepe
- Sepanyol — (e) Altamira
- Perancis — (f) Gua Chauvet

**7.** Berdasarkan maklumat berikut, namakan lokasi Zaman Prasejarah di dunia dengan betul. **TP 2**

SP 3.1.2

Gua Chauvet | Bhimbetka | Zhoukoudian | Gobekli Tepe | Stonehenge | Altamira

| | Maklumat | Lokasi |
|---|---|---|
| (a) | Didiami oleh manusia pada 12,000 SM di Turki. Binaan batu dikaitkan dengan upacara ritual. | Gobekli Tepe |
| (b) | Bukti lukisan di dalam gua yang terletak di Sepanyol membuktikan kewujudan manusia Zaman Mesolitik. | Altamira |
| (c) | Terletak di Perancis dan didiami oleh manusia antara 30,000 SM – 27,000 SM. | Gua Chauvet |
| (d) | Lokasi yang membuktikan wujud kehidupan manusia Zaman Prasejarah di India. | Bhimbetka |
| (e) | Lokasi ini ditemukan rangka manusia yang dipanggil *Peking Man*. | Zhoukoudian |
| (f) | Terletak di Britain dan dikaitkan dengan tempat mengkaji bintang dan menjalankan upacara ritual. | Stonehenge |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**8.** Nyatakan lokasi Zaman Prasejarah di Asia Tenggara dengan betul. **TP 2**

SP 3.1.2

Sa Hyun | Ban Chiang | Gua Liang Bua
Lenggong | Gua Padah-lin | Gua Tabon

| | Negara | Lokasi |
|---|---|---|
| (a) | Filipina | Gua Tabon |
| (b) | Myanmar | Gua Padah-lin |
| (c) | Malaysia | Lenggong |
| (d) | Thailand | Ban Chiang |
| (e) | Vietnam | Sa Hyun |
| (f) | Indonesia | Gua Liang Bua |

**9.** Lengkapkan maklumat berikut. Kemudian, namakan lokasi Zaman Prasejarah tersebut. **TP 4**

SP 3.1.2

| Lokasi | Maklumat |
|---|---|
| <br>(a) Lenggong | • Membuktikan kehidupan manusia merentas Zaman Paleolitik, Hoabinhian dan Neolitik.<br>• Rangka *Perak Man* berusia 11,000 – 10,000 SM menjadi bukti kehidupan manusia Zaman Prasejarah di Malaysia. |
| <br>(b) Sa Hyun | • Berusia antara 1,000 SM – 200 Masihi.<br>• Pembuatan tembikar merupakan aktiviti utama.<br>• Membuktikan kehidupan manusia pada Zaman Besi di Vietnam. |
| <br>(c) Gua Tabon | • Penemuan rangka manusia berusia antara 22,000 – 24,000 SM.<br>• Tapak Zaman Prasejarah di Filipina dianggarkan berusia 47,000 SM. |
| <br>(d) Ban Chiang | • Tapak Zaman Neolitik dan Zaman Logam berusia 3,600 – 500 SM di Thailand.<br>• Menjalankan kegiatan menternak binatang, aktiviti pertanian, pembuatan logam, tekstil dan tembikar tanah. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# 3.3 Ciri-ciri Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah

PBD Formatif

*Buku Teks ms. 52 – 59*

ePP+ NOTA VISUAL

**10.** Lengkapkan jadual bagi membandingkan kehidupan masyarakat Zaman Prasejarah dari aspek berikut. **TP 3**

SP 3.1.3

| | Ciri-ciri | Zaman Paleolitik | Zaman Neolitik |
|---|---|---|---|
| (a) | Tempat kediaman | Di dalam gua, lubang bawah tanah dan di bawah pokok. | Tinggal secara menetap di lembah sungai dan di pesisiran pantai. |
| (b) | Peralatan | Peralatan daripada batu, kayu dan tulang haiwan. Dalam bentuk sedia ada, ringkas dan kasar pembuatannya. | Peralatan lebih kemas dan halus. Mencipta pelbagai peralatan seperti alat menggali dan roda. |
| (c) | Pengumpulan makanan | Merupakan aktiviti paling utama untuk mendapatkan makanan selain memburu binatang. Mengumpul buah-buahan, cendawan, bijiran dan pucuk tumbuhan yang tumbuh liar di dalam hutan. | Perkembangan aktiviti pertanian dan penternakan menyebabkan aktiviti mengumpulkan makanan semakin berkurangan disebabkan sumber bekalan makanan dipenuhi dan mencukupi. |

**11.** Lengkapkan kehidupan masyarakat Zaman Prasejarah berikut. **TP 3**

SP 3.1.3

TUTORIAL

Ciri-ciri Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah

**Zaman Paleolitik**



**Zaman Logam**



**Aspek kehidupan**

(a) **Kegiatan ekonomi**

| Zaman Paleolitik | Zaman Logam |
|---|---|
| Memburu binatang hidup secara nomad, bersifat sara diri dan bergantung penuh kepada sumber alam semula jadi. | Menjalankan aktiviti pertanian, penternakan, perdagangan secara tukar barang, pertukangan dan pembuatan. |

(b) **Kesenian dan kebudayaan**

| Zaman Paleolitik | Zaman Logam |
|---|---|
| Menghasilkan lukisan gua yang bersifat realisme. | Mementingkan nilai estetika seperti gendang gangsa yang mempunyai hiasan menarik. |

(c) **Kepercayaan**

| Zaman Paleolitik | Zaman Logam |
|---|---|
| Animisme dan kepercayaan alam semula jadi. | Penyembahan terhadap kuasa alam dan binaan khusus untuk menjalankan upacara ritual. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**12.** Nyatakan Zaman Prasejarah yang betul berdasarkan ciri-ciri berikut. **TP 4**

SP 3.1.3

| | Ciri-ciri | Zaman Prasejarah |
|---|---|---|
| (a) | Sistem barter dan pengkhususan pekerjaan bermula. | Zaman Neolitik |
| (b) | Hidup dalam kelompok kecil dalam keadaan nomad. | Zaman Paleolitik |
| (c) | Kepercayaan kehidupan selepas mati dan mayat diurus dengan sempurna. | Zaman Neolitik |
| (d) | Menggunakan panah semasa memburu binatang dan perangkap untuk menangkap ikan. | Zaman Mesolitik |
| (e) | Peralatan diperbuat daripada tembaga, gangsa dan besi. | Zaman Logam |
| (f) | Manusia bergantung pada sumber alam semula jadi dan kegiatan ekonomi bersifat sara diri. | Zaman Paleolitik |
| (g) | Aktiviti pengumpulan makanan hampir tidak dilakukan lagi kerana bekalan makanan mencukupi. | Zaman Logam |
| (h) | Percaya kepada kuasa alam semula jadi seperti kilat, angin, hujan dan matahari. | Zaman Paleolitik |
| (i) | Pola geometri yang dikenali sebagai simbolisme menghiasi permukaan tembikar. | Zaman Neolitik |
| (j) | Binaan khusus dibina untuk upacara ritual dan penyembahan terhadap kuasa alam semakin jelas. | Zaman Logam |

**13.** Jawab soalan-soalan di bawah dengan tepat dan ringkas. **MAHIR UASA** **TP 4**

SP 3.1.3

(a) Mengapakah penting bagi manusia Zaman Prasejarah menyesuaikan diri dengan alam sekeliling mereka?

KBAT Menilai

Alam sekeliling membekalkan sumber makanan untuk mereka meneruskan kehidupan.

(b) Bagaimanakah manusia Zaman Prasejarah menyesuaikan kehidupan dengan alam sekeliling?

KBAT Menganalisis

Mereka tinggal di dalam gua dan lubang bawah tanah yang selamat daripada ancaman binatang liar dan cuaca buruk. Mereka hidup berpindah-randah untuk mencari makanan dan mengumpulkan hasil hutan selain berburu.

(c) Manusia Zaman Prasejarah menghasilkan lukisan gua. Apakah fungsi lukisan tersebut?

KBAT Menganalisis

Menggambarkan kehidupan harian mereka seperti aktiviti berburu dan amalan ritual.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 3.4 Kesinambungan Sumbangan Zaman Prasejarah kepada Kemajuan Kehidupan Manusia

PBD Formatif

Buku Teks ms. 60 – 63

**14.** Terangkan perbezaan kehidupan manusia Zaman Prasejarah dengan masa kini. **TP 4**

SP 3.1.4





(a) Pertanian sara diri → Pertanian komersial





(b) Membekalkan sumber makanan berterusan → Secara komersial untuk memenuhi keperluan daging dan tenusu





(c) Peralatan daripada batu, kayu dan tulang haiwan → Menggunakan mesin dan jentera





(d) Menjadi bekas makanan dan peralatan untuk memasak → Menjadi perhiasan dan kraf tangan





(e) Tempat menjalankan upacara ritual dan penyembahan → Mercu tanda dan menara telekomunikasi

## 3.5 Zaman Prasejarah di Malaysia

PBD Formatif

Buku Teks ms. 64 – 69

**15.** Berdasarkan Zaman Prasejarah berikut, namakan **dua** tapak Zaman Prasejarah di Malaysia. TP 3

SP 3.1.5

(a) **Zaman Paleolitik** → (i) Tingkayu (ii) Gua Niah

(b) **Zaman Mesolitik** → (i) Gua Madai (ii) Jenderam Hilir

(c) **Zaman Neolitik** → (i) Gua Kecil (ii) Gua Tapadong

(d) **Zaman Logam** → (i) Sungai Tembeling (ii) Lembah Bernam

**16.** Namakan lokasi penemuan Zaman Prasejarah berikut. TP 3

SP 3.1.5

Gua Niah | Lembah Bernam | Pengkalan Kempas | Gua Gunung Runtuh | Kota Tampan | Muar, Johor



(a) Kota Tampan



(b) Gua Niah



(c) Muar, Johor



(d) Gua Gunung Runtuh



(e) Lembah Bernam



(f) Pengkalan Kempas

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**17.** Lakukan aktiviti berikut.

SP 3.1.5

**Aktiviti PAK-21** **Peta Pemikiran** TP 4

(a) Bahagikan kelas kepada empat kumpulan kecil.

(b) Setiap kumpulan akan memilih Zaman Prasejarah di Malaysia seperti berikut:
  (i) Zaman Paleolitik
  (ii) Zaman Mesolitik
  (iii) Zaman Neolitik
  (vi) Zaman Logam

(c) Setiap kumpulan perlu membuat kajian dengan mendapatkan maklumat daripada buku teks, jurnal, ensiklopedia atau Internet tentang ciri-ciri kehidupan manusia Zaman Prasejarah tersebut.

(d) Hasil dapatan dipersembahkan dengan gambar foto dan penerangan yang menarik dalam bentuk peta pemikiran.

(e) Hasil kerja setiap kumpulan ditampal di dinding untuk dilihat oleh ahli kumpulan lain.

(f) Ahli kumpulan akan bergerak untuk melihat, menganalisis dan memberikan komen hasil kerja kumpulan lain.

**18.** Tandakan (✓) pada jawapan yang betul. TP 4

SP 3.1.5

(a) Penemuan di Kota Tampan, Perak dan Tingkayu, Sabah menunjukkan kewujudan bengkel membuat peralatan

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| batu | ✓ | kayu | | logam | | plastik | |

(b) Bukti ketara kewujudan manusia Zaman Prasejarah di Malaysia ialah penemuan ukiran dan lukisan

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| sungai | | bukit | | gua | ✓ | batu | |

(c) Ukiran batu banyak ditemukan di Sabah, Sarawak dan Pengkalan Kempas di Negeri Sembilan yang mempunyai kaitan dengan budaya

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| asli | | megalit | ✓ | realisme | | animisme | |

(d) Bukti tinggalan masyarakat Zaman Prasejarah di Malaysia juga ditemukan di beberapa tapak perkuburan melalui penemuan

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| ekofak | ✓ | artifak | | manuskrip | | manik | |

(e) Pisau Tembeling yang ditemukan di Hulu Tembeling, Pahang dikaitkan dengan aktiviti penanaman

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| teh | | barli | | cendawan | | padi | ✓ |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**19.** Pilih nilai murni manusia Zaman Prasejarah yang perlu dicontohi oleh warganegara Malaysia demi menjamin kemajuan negara.

**SP** 3.1.5

**TP 5**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Gigih | Kreatif | Berdikari | Inovatif |
| Perkauman | Kedekut | Sombong | Bijaksana |
| Bekerjasama | Berdendam | Bersatu hati | Tidak berputus asa |

*i-Think* **Peta Buih**




**PRAKTIS REFLEKSI**
**Bab 3**

**KUIZ GAMIFIKASI**
**Bab 3**

**KBAT EKSTRA**

| *Tahap Penguasaan Bab 3* | TP 1 | | TP 2 | | TP 3 | | TP 4 | | TP 5 | | TP 6 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PBD Sumatif

## BAHAGIAN A

**1.** Buku Teks ms. 46
Apakah Zaman Prasejarah yang boleh dikaitkan dengan maklumat berikut?

> Dikenali sebagai Zaman Batu Lama. Zaman yang serba mencabar kerana manusia perlu meneruskan hidup dengan teknologi serba ringkas.

A Zaman Logam
B Zaman Neolitik
C Zaman Mesolitik
D Zaman Paleolitik

Aras R Memahami

**2.** Buku Teks ms. 49
Gambar berikut menunjukkan lokasi Zaman Prasejarah di Turki.



Apakah lokasi tersebut?
A Stonehenge
B Altamira
C Gobekli Tepe
D Zhoukoudian

Aras S Mengingat

**3.** Buku Teks ms. 50
Pilih pasangan yang **betul**.

| | Lokasi Zaman Prasejarah | Negara |
|---|---|---|
| A | Lenggong | Myanmar |
| B | Ban Chiang | Thailand |
| C | Gua Padah–lin | Indonesia |
| D | Gua Liang Bua | Thailand |

Aras R Mengingat

**4.** Buku Teks ms. 52
Apakah persamaan tempat kediaman bagi manusia Zaman Paleolitik dan Zaman Mesolitik?
I Gua
II Tanah tinggi
III Lembah sungai
IV Lubang bawah tanah

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras S Memahami

**5.** Buku Teks ms. 55
Apakah kegiatan ekonomi masyarakat Zaman Logam?
I Menangkap ikan
II Mengutip hasil laut
III Menternak binatang
IV Menjalankan pertanian

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras R Mengingat

**6.** Buku Teks ms. 58
Gambar berikut menunjukkan tembikar pada Zaman Neolitik.



Apakah pola yang menghiasi tembikar tersebut?
A Abstrak
B Megalit
C Ideofak
D Geometri

Aras R Memahami

**7.** Buku Teks ms. 66
Apakah penemuan yang mungkin Dr. Ahmad peroleh jika menjalankan ekskavasi di Kota Tampan, Perak?
A Gelang
B Kapak gangsa
C Peralatan batu
D Mata wang emas

Aras S Mengaplikasi

**8.** Buku Teks ms. 67
Apakah penemuan yang dijumpai di Gua Niah, Sarawak?
A Mikrolit
B Lukisan gua
C Loceng gangsa
D Pisau Tembeling

Aras R Mengingat

**9.** Buku Teks ms. 69
Pilih pasangan yang **betul**.

| | Jenis pengebumian | Lokasi penemuan |
|---|---|---|
| A | Pengebumian melentur | Gua Cha, Kelantan |
| B | Pengebumian tempayan | Kota Tampan, Perak |
| C | Pengebumian perahu | Pantai Timur, Sabah |
| D | Kubur kepingan batu | Lembah Bernam, Selangor |

Aras S Mengingat

**10.** Buku Teks ms. 69
Mengapakah kita perlu mengkaji kehidupan masyarakat Zaman Prasejarah?
I Mengumpulkan artifak sejarah
II Mempelajari teknologi zaman purba
III Memahami perkembangan tamadun manusia
IV Mencontohi kegigihan dan semangat berusaha

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras T Menilai

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PBD Sumatif

## BAHAGIAN B

**1.** Gambar berikut menunjukkan manusia Zaman Prasejarah.

Buku Teks ms. 46 - 51



(a) Jelaskan maksud zaman berikut:

(i) Zaman Prasejarah

Zaman sebelum manusia mengetahui dan mengenal tulisan.

(ii) Zaman Batu

Penggunaan teknologi batu dalam kehidupan harian manusia pada zaman tersebut.

(iii) Zaman Logam

Penggunaan teknologi gangsa dan besi.

Aras S Memahami [3 *markah*]

(b) Senaraikan lokasi Zaman Prasejarah di negara berikut.

| | Negara | Lokasi |
|---|---|---|
| (i) | Britain | Stonehenge |
| (ii) | Sepanyol | Altamira |
| (iii) | Vietnam | Sa Hyun |
| (iv) | Thailand | Ban Chiang |

Aras R Mengingat [4 *markah*]

(c) Apakah nilai yang boleh kita contohi daripada manusia Zaman Prasejarah?

(i) Bijak menyesuaikan kehidupan dengan persekitaran.

(ii) Tidak mudah berputus asa walaupun hidup serba kekurangan.

(iii) Kreatif dan inovatif menghasilkan pelbagai peralatan untuk kelangsungan hidup.

Aras T Mengaplikasi [3 *markah*]

**2.** Zaman Mesolitik memperlihatkan cara hidup yang semakin berkembang.

Buku Teks ms. 52 - 56

(a) Nyatakan ciri-ciri kehidupan manusia Zaman Mesolitik dari aspek berikut:

(i) Tempat kediaman

Masih menetap di dalam gua, lubang bawah tanah dan di bawah pokok. Bagi mendapatkan air dan makanan, petempatan mereka bertumpu di pinggir sungai dan laut.

Aras S Memahami [2 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PBD Sumatif

(ii) Kegiatan ekonomi

Mengutip hasil hutan, memburu binatang dan menangkap ikan. Masih mengamalkan perkongsian makanan.

Aras S Memahami [2 *markah*]

(b) Bagaimanakah organisasi sosial masyarakat Zaman Mesolitik?

(i) Hidup dalam kelompok kecil.

(ii) Masih lagi hidup secara nomad.

(iii) Belum mempunyai sistem organisasi sosial yang tersusun.

Aras S Memahami [3 *markah*]

(c) Buktikan perkembangan teknologi dalam masyarakat Zaman Prasejarah.

Pada peringkat awal, teknologi batu digunakan oleh masyarakat Zaman Paleolitik dan Zaman Mesolitik. Zaman Neolitik pula menunjukkan zaman perkembangan teknologi daripada batu kepada tembikar. Selepas itu, teknologi manusia Zaman Prasejarah berkembang ke arah teknologi logam. Pada zaman ini, manusia mula mencipta alat gangsa dan besi.

Aras T Menganalisis [3 *markah*]

## BAHAGIAN C

**KLU SOALAN**

Manusia Zaman Logam menjalankan aktiviti pertanian, penternakan, perdagangan, dan pertukaran barangan. Kehidupan mereka lebih tersusun. Pemimpin bertanggungjawab menyelesaikan masalah dan membentuk aturan hidup untuk dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat.

**1.** (a) Jelaskan kehidupan manusia Zaman Logam berdasarkan ciri-ciri berikut:

Buku Teks ms. 55 - 56

(i) Kegiatan ekonomi Aras S Memahami [3 *markah*]

(ii) Organisasi sosial Aras S Memahami [3 *markah*]

(b) Gambar berikut menunjukkan kegiatan memburu binatang.

Buku Teks ms. 61



*Memburu pada Zaman Prasejarah*



*Memburu pada hari ini*

Bandingkan kegiatan memburu binatang oleh masyarakat Zaman Prasejarah dengan masyarakat pada hari ini.

Aras S Menganalisis [8 *markah*]

(c) Jelaskan kesan jika tapak lokasi Zaman Prasejarah di dunia dan Malaysia dimusnahkan dan tidak dipulihara.

Aras T Menilai [6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PANDUAN TUGASAN SEJARAH

## Pengertian

(a) Satu kajian secara mendalam tentang situasi, isu, subjek, dokumen atau peristiwa.
(b) Berdasarkan sumber secara terperinci yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu.

## Ciri

(a) Data yang mendalam dan teliti daripada pelbagai sumber.
(b) Pemerhatian dan empati.
(c) Makna dan iktibar yang boleh dipelajari daripada kes tertentu.

## Tujuan

(a) Mengilustrasi gambaran, menganalisis dan menginterpretasi kehebatan tokoh, keunikan monumen, situasi dan peristiwa melalui maklumat yang diperoleh.
(b) Mengenal pasti tingkah laku yang kompleks dalam situasi tertentu.
(c) Mempersembahkan dapatan sebenar.
(d) Pengesahan dapatan.

## Fokus

(a) Individu, situasi tempatan atau peristiwa.
(b) Kejadian atau peristiwa yang unik dan utama atau kes tunggal.
(c) Perkara berkaitan dengan tokoh, komuniti, pertubuhan, institusi, peristiwa, tempat, fakta / mitos / legenda dan monumen.

## Langkah-langkah pelaksanaan tugasan




**Contoh Laporan Tugasan Sejarah**

https://plus.pelangibooks.com/Resources/ExcelPBD/SejarahT1/LaporanTugasanSejarah.pdf

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Skor /80

**Masa:** Dua jam

**Bahagian A**
[20 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan.*

*Tiap-tiap soalan di bawah ini diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bulatkan jawapan yang paling tepat.*

**1.** Maklumat berikut berkaitan pengertian sejarah.

X → Bermaksud pokok, salasilah, riwayat, keturunan, dan asal usul.

Apakah **X?**
A *History*
B *Historia*
C *Hadarah*
(D) *Syajaratun*

**2.** Gambar berikut menunjukkan rangka manusia Zaman Prasejarah.



Apakah sumber sejarah tersebut?
A Manuskrip
B Ensiklopedia
(C) Sumber primer
D Sumber sekunder

**3.** Halimah menggunakan kaedah lisan untuk membuat kajian berikut.

| Kajian | Kaedah penyelidikan |
|---|---|
| Sejarah sekolah | Temu bual dengan Pengetua dan kakitangan sekolah. |

Apakah tahap pertama yang perlu dilakukan oleh Halimah?
A Menyunting rakaman
(B) Menentukan orang sumber
C Menyimpan rakaman dengan baik
D Menilai fakta dengan sumber bertulis

**4.** Apakah peristiwa sejarah yang boleh dijadikan iktibar dan pengajaran?
(A) Peristiwa darurat
B Pembentukan Malaysia
C Pelancaran kereta nasional
D Pengisytiharan kemerdekaan

**5.** Apakah tindakan Arkib Negara Malaysia untuk memantapkan sejarah lisan di negara kita?
A Membina Muzium Negara
B Menerbitkan buku sejarah negara
(C) Mewujudkan Laman Kenali Tokoh
D Membentuk Jabatan Warisan Negara

**6.** Apakah maksud Zaman Air Batu?
A Zaman gelap tiada cahaya
B Zaman ketika bumi ditimpa hujan
C Zaman ketika bumi dilanda kemarau
(D) Zaman ketika air batu menutupi bumi

**7.** Pilih tahap Zaman Air Batu yang **betul**.
A Pleistosen – Holosen – Miosen – Pliosen
(B) Miosen – Pliosen – Pleistosen – Holosen
C Pliosen – Pleistosen – Holosen – Miosen
D Holosen – Pliosen – Miosen – Pleistosen

**8.** Apakah kesan peningkatan suhu pada Zaman Air Batu?
A Berlakunya banjir
(B) Pencairan air batu
C Kemarau berpanjangan
D Pembentukan gunung berapi

**9.** Apakah zaman yang boleh dikaitkan dengan haiwan berikut?



A Pliosen
B Miosen
C Holosen
(D) Pleistosen

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**10.** Kecairan air batu pada akhir Zaman Holosen menyebabkan terbentuknya
- (**A**) sungai dan tasik
- **B** bukit dan gunung
- **C** lautan dan daratan
- **D** tanah tinggi dan tanah pamah

**11.** Senarai berikut menunjukkan lokasi Zaman Prasejarah di dunia.

- Catal Huyuk
- Gobekli Tepe

Lokasi tersebut terletak di
- (**A**) Turki
- **B** China
- **C** Perancis
- **D** Sepanyol

**12.** Apakah Zaman Prasejarah yang dimaksudkan di bawah?

- Zaman Batu Pertengahan
- Berlaku 12,000 hingga 4,000 SM

- **A** Zaman Logam
- **B** Zaman Neolitik
- (**C**) Zaman Mesolitik
- **D** Zaman Paleolitik

**13.** Apakah ciri-ciri manusia Zaman Paleolitik?
- I Memungut hasil hutan
- II Hidup berpindah-randah
- III Menjalankan perdagangan
- IV Mencipta peralatan tembikar

- (**A**) I dan II
- **B** I dan IV
- **C** II dan III
- **D** III dan IV

**14.** Maklumat berikut berkaitan penemuan Zaman Prasejarah di Malaysia.

**X** → Ukiran pada batu megalit yang menunjukkan budaya berasaskan penggunaan batu-batu bersaiz besar.

Apakah lokasi **X**?
- **A** Kota Tampan, Perak
- **B** Lembah Bernam, Selangor
- **C** Sungai Tembeling, Pahang
- (**D**) Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan

**15.** Mengapakah kita perlu mengkaji kehidupan masyarakat Zaman Prasejarah?
- **A** Meneruskan amalan tradisi
- **B** Menghargai bantuan kuasa asing
- **C** Mempelajari teknologi zaman purba
- (**D**) Mencontohi nilai kegigihan dan semangat berusaha

**16.** Apakah maksud perkataan *hadharah*?
- **A** Kehalusan tatasusila masyarakat
- **B** Kemakmuran dan keharmonian kaum
- **C** Kemajuan dan kekayaan sesebuah kerajaan
- (**D**) Kawasan yang digunakan untuk bercucuk tanam

**17.** Apakah perkataan dalam bahasa Arab yang merujuk kepada tamadun?
- I *Hadari*
- II *Mudun*
- III *Ummah*
- IV *Muqqadimah*

- (**A**) I dan II
- **B** I dan IV
- **C** II dan III
- **D** III dan IV

**18.** Gambar berikut menunjukkan bandar dalam tamadun Mesopotamia.



Apakah keistimewaan bandar tersebut?
- I Pembinaan kota
- II Petempatan tersusun
- III Dikelilingi taman bunga
- IV Dikawal oleh tentera asing

- (**A**) I dan II
- **B** I dan IV
- **C** II dan III
- **D** III dan IV

**19.** Apakah tujuan pembinaan rumah ibadat dalam tamadun awal dunia?
- **A** Pusat pentadbiran
- (**B**) Tanda menghormati tuhan
- **C** Tempat tinggal bangsawan
- **D** Bukti perkembangan teknologi

**20.** Apakah kepentingan sistem tulisan dalam tamadun awal dunia?
- **A** Menghapuskan buta huruf
- **B** Menyimpan nama pembesar
- (**C**) Merekod urusan pentadbiran
- **D** Melahirkan pelajar cemerlang

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Bahagian B

[40 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

**1.** Baca petikan akhbar dan jawab soalan berikut.

Bengkel masyarakat paleolitik berusia 1.83 juta tahun ditemui di Lenggong, Perak

# Tamadun manusia tertua ditemui

Oleh ZAKI SALLEH

LENGGONG – Penemuan tapak sebuah bengkel masyarakat paleolitik tertua di dunia di Bukit Bunuh dekat sini bakal mengubah sejarah awal tamadun manusia sebagaimana tercatat dalam buku-buku sejarah.

Penemuan beberapa artifak dipercayai berusia 1.83 juta tahun di kawasan seluas empat kilometer persegi itu menunjukkan masyarakat berkenaan tidak mengamalkan kehidupan berpindah-randah sebagaimana difahami selama ini.

Lebih menakjubkan, penemuan ribuan batu jenis suevite yang berselerakan di kawasan itu menunjukkan kawasan tersebut pernah menerima hentaman tahi bintang jutaan tahun lalu.

Pengarah Pusat Arkeologi Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Mokhtar Saidin berkata, penemuan artifak kapak genggam diperbuat daripada batu yang berusia 1.83 juta tahun merupakan bukti kukuh bahawa manusia zaman tersebut sudah hidup menetap di satu kawasan.

Beliau berkata, artifak lain yang ditemui ialah pisau, alat tetak, batu pengetuk, batu pelapuk dan sisa-sisa kerja membuat alatan batu.

Sejak memulakan ekskavasi pada 1997, pasukan tersebut sudah pun menemui batu berusia 40,000 tahun pada 2001, kapak genggam lama (2007) dan batu berusia 30,000 tahun pada 2008.

"Kita telah menemui tapak prasejarah tertua di dunia selain Afrika yang mempunyai pentarikhan kronometrik yang bakal mencabar beberapa pengetahuan asas dalam kebudayaan manusia awal dunia.

"Penemuan Bukit Bunuh menunjukkan masyarakatnya tidak nomadik malah mendiami kawasan ini secara bertemu kerana ada keperluan asas yang melebihi daripada biasa," katanya semasa membawa media tempatan melawat tapak penyelidikan itu buat pertama kali semalam.

Kawasan tersebut yang terletak kira-kira empat kilometer dari kawasan sejarah Kota Tampan kaya dengan sumber alam seperti batuan, sumber air serta flora dan fauna.

Tambah Mokhtar, bekas rangka tulang manusia bakal ditemui berdasarkan penemuan cebisan tulang temulang di dalam beberapa batu suevite yang masih di peringkat kajian.

Katanya, Jabatan Warisan Negara telah pun mengemukakan hasil penyelidikan tersebut kepada Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) untuk diwartakan sebagai Tapak Warisan Arkeologi Dunia.

"Wakil-wakil UNESCO akan melawat tapak kajian ini Julai nanti dan keputusan mengenainya diketahui Julai tahun hadapan," ujarnya.

> "Kita telah menemui tapak prasejarah tertua di dunia selain Afrika yang mempunyai pentarikhan kronometrik yang bakal mencabar beberapa pengetahuan asas dalam kebudayaan manusia awal dunia
>
> DR. MOKHTAR SAIDIN



MOKHTAR menunjukkan bengkel masyarakat paleolitik tertua yang ditemui di Bukit Bunuh, Lenggong, Perak semalam.

Sumber: *Kosmo*, 14 Februari, 2011

(a) Nyatakan ciri sumber yang ditemui di tapak arkeologi di atas.

(i) Sumber primer

(ii) Bersifat asli dan belum ditafsir

[2 *markah*]

(b) Jelaskan kaedah penyelidikan sejarah yang digunakan.

Kaedah yang digunakan ialah kaedah arkeologi. Aktiviti gali cari melibatkan perancangan grid, iaitu penandaan kawasan di tapak arkeologi dilakukan. Setiap petak grid akan diberikan nombor rujukan. Menandakan kawasan berdasarkan pelan. Melakukan ekskavasi, iaitu proses mengumpulkan data dengan mencatatkan semua penemuan.

[4 *markah*]

(c) Bagaimanakah kita menghargai tapak warisan sejarah negara?

Mewartakannya sebagai tempat bersejarah untuk tatapan generasi akan datang dan menjadi kawasan penyelidikan sejarawan tempatan dan luar negara. Mengelakkan pencerobohan di tapak warisan sejarah dan memperkenalkan tapak warisan sejarah kepada pelancong tempatan dan luar negara.

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**2.** (a) Senaraikan **dua** contoh lautan.

(i) Lautan Pasifik

(ii) Lautan Hindi

[2 *markah*]

(b) Namakan **empat** negara yang terletak di atas Pentas Sunda.

(i) Malaysia

(ii) Singapura

(iii) Thailand

(iv) Vietnam

[4 *markah*]

(c) Apakah tindakan yang menunjukkan anda cinta akan alam sekitar?

(i) Mengamalkan kitar semula

(ii) Mengurangkan penggunaan beg plastik

(iii) Tidak membuang sampah merata-rata

(iv) Menggunakan elektrik dan air dengan berhemah

[4 *markah*]

**3.** (a) Senaraikan **dua** lokasi gua Zaman Prasejarah di Malaysia.

(i) Gua Niah

(ii) Gua Cha

[2 *markah*]

(b) Apakah kepentingan lukisan gua dan ukiran batu pada Zaman Prasejarah?

Lukisan gua dan ukiran batu merupakan cara komunikasi untuk menyampaikan maklumat tentang kehidupan manusia Zaman Prasejarah. Lukisan gua dan ukiran batu menggambarkan kehidupan harian. Contohnya, aktiviti memburu binatang dan amalan ritual. Lukisan gua menggunakan arang dan oker merah. Dapat dilihat di Gua Niah, Sarawak. Ukiran batu ditemui di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan dan di Kelabit Highlands, Sarawak. Kewujudannya dikaitkan dengan budaya megalit, iaitu budaya berasaskan batu yang bersaiz besar.

[4 *markah*]

(c) Jelaskan nilai yang boleh dicontohi daripada manusia Zaman Prasejarah.

(i) Berdikari

(ii) Kreatif

(iii) Inovatif

(iv) Bijak menggunakan sumber alam semula jadi

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**4.** (a) Nyatakan golongan yang berada pada kedudukan paling rendah dalam organisasi sosial masyarakat Mesir Purba.

(i) Pembantu rumah

(ii) Hamba

[2 *markah*]

(b) Jelaskan golongan yang berada pada kedudukan tertinggi dalam masyarakat Mesir Purba.

Golongan yang berada pada kedudukan tertinggi dalam masyarakat Mesir Purba ialah pemerintah, firaun, golongan agama, dan golongan bangsawan.

[4 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, apakah faktor kegemilangan tamadun Mesir Purba?

Faktor kegemilangan tamadun Mesir Purba ialah kebijaksanaan pemerintah, sokongan rakyat, kestabilan ekonomi, dan keamanan dalam negeri.

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Bahagian C

[20 *markah*]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja.*

**1.** (a) Jelaskan pengertian sejarah mengikut pandangan sejarawan berikut:

(i) E.H. Carr

Sejarah merupakan tindak balas pembaca terhadap penulisan sejarah, iaitu fakta-fakta yang ditulis oleh sejarawan. Suatu proses interaksi berterusan antara ahli sejarah dengan fakta-faktanya, suatu dialog yang tidak berkesudahan antara masa kini dengan masa lampau.

[3 *markah*]

(ii) Herodotus

Penceritaan tentang tindakan manusia yang penting dan mengagumkan serta sebab berlakunya sesuatu peristiwa. Menggunakan perkataan sejarah atau historia yang bermaksud penyelidikan atau penyiasatan terhadap peristiwa silam mahupun sezaman.

[3 *markah*]

(b) Berdasarkan gambar, bandingkan ciri-ciri sumber sejarah berikut.



*Artifak*




*Ensiklopedia*

(i) Artifak merupakan sumber primer. Peralatan ciptaan manusia diperbuat daripada logam. Digunakan untuk kegiatan perburuan, pertanian, dan perdagangan. Bersifat asli. Belum ditafsir dan belum diolah.

(ii) Ensiklopedia merupakan sumber sekunder. Bahan yang terkandung di dalamnya berdasarkan fakta dan sumber sejarah yang sahih. Bahan tersebut telah diolah dan diterbit. Bahan tersebar kepada umum.

[6 *markah*]

(c) Berikan cadangan untuk menjadi sejarawan yang bertanggungjawab.

Menggunakan pelbagai sumber dalam penulisan. Tidak berat sebelah. Jujur melaporkan peristiwa sejarah sebenar. Mematuhi etika penulisan. Tidak mementingkan mana-mana pihak. Tidak memasukkan unsur-unsur negatif dalam penulisan sejarah. Melaporkan perkara yang sebenar. Tidak menokok tambah fakta atau peristiwa sejarah.

[8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**2.** (a) Jelaskan lokasi Zaman Prasejarah berikut:

(i) Ban Chiang, Thailand

Merupakan tapak Zaman Neolitik dan Zaman Logam. Berusia 3,600 – 500 SM. Manusia Prasejarah di Ban Chiang menjalankan kegiatan menternak binatang, pertanian, pembuatan logam, tekstil, dan tembikar tanah.

[3 *markah*]

(ii) Gua Liang Bua, Indonesia

Membuktikan kehidupan manusia Zaman Paleolitik hingga Zaman Logam. Penemuan fosil dan sisa tulang dinamakan *Flores Man* (*Homo Floresiensis*) berusia antara 94,000 – 12,000 SM.

[3 *markah*]

(b) Berdasarkan gambar berikut, bandingkan ciri-ciri kediaman dan organisasi sosial manusia Zaman Prasejarah.



*Manusia Zaman Paleolitik*



*Manusia Zaman Logam*

Manusia Zaman Paleolitik – Tinggal di dalam gua, lubang bawah tanah, dan di bawah pokok. Tempat berlindung diperbuat daripada ranting kayu. Tinggal dalam kelompok kecil. Terdiri daripada gabungan beberapa keluarga. Hidup secara nomad atau berpindah-randah.

Manusia Zaman Logam – Tinggal menetap di lembah sungai, pesisiran pantai, dan tanah tinggi. Membina rumah yang lebih baik dan lebih tersusun. Binaannya diperbuat daripada batu, tanah liat, dan kayu. Kehidupan lebih tersusun. Pemimpin bertanggungjawab menyelesaikan masalah. Membentuk aturan hidup untuk dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat. Membawa kepada pembentukan sistem pentadbiran.

[6 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah kehidupan manusia Zaman Batu Lama dianggap mencabar?

Hidup serba kekurangan. Terpaksa bergantung kepada alam semula jadi. Penggunaan peralatan harian yang sedia ada dan ringkas. Ancaman cuaca dan binatang buas. Hidup berpindah-randah untuk mencari makanan. Sumber makanan yang terhad. Perlu menyesuaikan diri dengan alam sekeliling.

[8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Skor /80

JSU UASA EKSTRA ePP+

**Bahagian A**
[20 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan.*

*Tiap-tiap soalan di bawah ini diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bulatkan jawapan yang paling tepat.*

**1.** Apakah definisi sejarah berdasarkan *Kamus Dewan*?
I Asal usul
II Salasilah
III Penceritaan
IV Penyelidikan
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**2.** Senarai berikut menunjukkan sumber sejarah.

- *Fajar Sarawak*
- *Utusan Melayu*

Apakah jenis sumber tersebut?
**A** Asli
**B** Primer
**C** Pertama
**D** Sekunder

**3.** Perkembangan tamadun manusia dalam bidang pendidikan dan pentadbiran bermula pada
**A** Zaman Miosen
**B** Zaman Holosen
**C** Zaman Pliosen
**D** Zaman Pleistosen

**4.** Mengapakah air batu mencair pada Zaman Air Batu Akhir?
**A** Pergerakan bulan
**B** Penurunan suhu bumi
**C** Tiupan angin monsun
**D** Peningkatan suhu bumi

**5.** Gambar berikut menunjukkan lokasi Zaman Prasejarah di Britain.



Apakah lokasi tersebut?
**A** Altamira
**B** Catal Huyuk
**C** Stonehenge
**D** Gobekli Tepe

**6.** Pernyataan berikut merujuk kepada kepercayaan manusia Zaman Prasejarah.

| |
|---|
| Mereka mempercayai setiap benda seperti batu dan pokok mempunyai semangat, iaitu jiwa dan roh orang mati. |

Apakah kepercayaan tersebut?
**A** Animisme
**B** Amalan tradisi
**C** Upacara keagamaan
**D** Undang-undang adat

**7.** Senarai berikut merujuk kepada seorang tokoh cendekiawan.

| |
|---|
| Beliau menghasilkan karya *Muqqadimah* dan memperkenalkan istilah *hadharah* dan *madaniyyah*. |

Siapakah tokoh tersebut?
**A** Ibn Khaldun
**B** Arnold J. Toynbee
**C** Muhd Yusof Ibrahim
**D** Syed Muhammad Naquib Al-Attas

**8.** Apakah tujuan pembentukan kerajaan dalam tamadun awal dunia?
**A** Menguasai kegiatan ekonomi
**B** Mengurus pemerintahan kota
**C** Mengetuai upacara keagamaan
**D** Mengawal tingkah laku penduduk

**9.** Mengapakah tamadun awal terletak di lembah sungai?
I Membekalkan air
II Membina negara-kota
III Merupakan sempadan
IV Menjadi alat perhubungan
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**10.** Gambar berikut menunjukkan binaan zigurat dalam tamadun Mesopotamia.



Apakah fungsi binaan tersebut?
**A** Pelabuhan
**B** Tempat ibadat
**C** Kubu pertahanan
**D** Kawasan perkuburan

**11.** Apakah kegiatan ekonomi bagi penduduk yang tinggal di luar kawasan acropolis?
**A** Menjadi petani
**B** Melombong emas
**C** Menerajui pentadbiran
**D** Menguruskan pelabuhan

**12.** Jadual berikut menunjukkan lokasi tamadun Rom.

| Lokasi | Huraian |
|---|---|
| Sungai **X** | Terletak di Lembah Latium |

Apakah **X**?
**A** Sungai Tiber
**B** Sungai Tigris
**C** Sungai Pompei
**D** Sungai Euphrates

**13.** Apakah sumbangan Raja Vespian kepada kerajaan Rom?
**A** Membina tembok pertahanan
**B** Memulakan pembinaan *colosseum*
**C** Membaik pulih kerosakan *akueduk*
**D** Memperkenalkan tempat mandi awam

**14.** Apakah sumbangan Cai Lun dalam tamadun China?
**A** Memperkenalkan kertas
**B** Menubuhkan sekolah tinggi
**C** Menyeragamkan sistem tulisan
**D** Memajukan bidang perdagangan

**15.** Lokasi perkembangan tamadun India terletak di
**A** Sungai Indus
**B** Teluk Benggala
**C** Lembah Ganges
**D** Banjaran Himalaya

**16.** Senarai berikut berkaitan dengan tahap peperiksaan perkhidmatan awam.

- Tahap kedua
- Dijalankan di **X**
- Diadakan 3 tahun sekali
- Tempoh peperiksaan selama 3 hari

Apakah **X**?
**A** Kampung
**B** Pusat kerajaan
**C** Ibu kota daerah
**D** Hadapan maharaja

**17.** Gambar berikut menunjukkan Maharani Dowager Cixi.



Apakah yang tindakan boleh dikaitkan dengan tokoh tersebut?
**A** Membuka Laluan Sutera
**B** Menyatukan daerah di China
**C** Menghapuskan sistem peperiksaan
**D** Memperkenalkan teknologi kertas

**18.** Apakah maksud Zaman Jahiliah?
I Tidak mempunyai nabi
II Kemusnahan alam sekitar
III Kemerosotan perdagangan
IV Tiada kitab suci sebagai petunjuk
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**19.** Maklumat berikut berkaitan kerajaan Islam.

- Berpusat di Anatolia.
- Mengekalkan kuasa di Asia Barat.
- Pengaruhnya sampai ke Alam Melayu.

Apakah kerajaan tersebut?
**A** Bani Umaiyah
**B** Bani Abbasiyah
**C** Turki Uthmaniyah
**D** Khulafa al-Rasyidin

**20.** Mengapakah reka bentuk pintu Masjid Cordoba dibuat melengkung?
**A** Memberikan keselesaan
**B** Mewujudkan rasa bangga
**C** Memudahkan pengudaraan
**D** Melambangkan perasaan hormat

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Bahagian B

[40 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

**1.** Gambar berikut menunjukkan contoh sumber sejarah.





(a) Nyatakan **tiga** ciri sumber sejarah tersebut.

(i) Bersifat asli

(ii) Belum ditafsir

(iii) Belum diolah

[3 *markah*]

(b) Jelaskan kebaikan mengkaji peristiwa sejarah menggunakan pelbagai sumber sejarah.

Kebaikan mengkaji peristiwa sejarah menggunakan pelbagai sumber sejarah ialah dapat menghasilkan kajian dengan bukti yang kukuh, dapat menilai sesuatu peristiwa sejarah dari sudut berbeza dan mendorong kita berfikiran terbuka dan kritis.

[3 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, apakah kesan jika tiada sumber sejarah?

Jika tiada sumber sejarah, kaedah penyelidikan tidak boleh dilakukan. Peristiwa sejarah tidak dapat dibuktikan kesahihannya. Peristiwa sejarah akan dipengaruhi unsur lain seperti dongeng dan mitos dan akan dilupakan kerana tiada warisan yang dapat ditatap oleh generasi akan datang.

[4 *markah*]

**2.** Bumi melalui pelbagai perubahan yang memberikan kesan terhadap rupa bentuk fizikal, iklim, cuaca, hidupan yang ada dan kedalaman lautan.

(a) Apakah bidang yang membantu kita membuat penyelidikan tentang perubahan yang berlaku kepada bumi?

Bidang yang membantu kita membuat penyelidikan tentang perubahan yang berlaku kepada bumi ialah kimia, arkeologi, fizik dan paleontologi.

[2 *markah*]

(b) Terangkan keadaan fizikal bumi pada tahun berikut:

(i) 390 juta tahun dahulu

Zaman Jurasik dan hidupan utama ialah dinosaur.

[2 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(ii) 195 juta tahun dahulu

Air laut masih tawar. Wujud hidupan seperti ikan dan amfibia.

[2 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, apakah tujuan kita mempelajari tentang Zaman Air Batu?

Tujuan kita mempelajari tentang Zaman Air Batu ialah untuk mengetahui sejarah bumi, membantu manusia menghadapi cabaran pada masa depan, bersyukur dengan keunikan bumi dan menjaga bumi daripada pencemaran.

[4 *markah*]

**3.** (a) Terangkan konsep tamadun mengikut pandangan:

(i) Syed Muhammad Naquib Al-Attas

Tamadun ialah keadaan kehidupan insan bermasyarakat yang mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakatnya.

[2 *markah*]

(ii) Arnold J. Toynbee

Tamadun merujuk kepada suatu sistem masyarakat yang memperkasakan sistem politik, ekonomi, sosial, kesenian dan kebudayaan.

[2 *markah*]

(b) Jelaskan ciri-ciri tamadun awal dunia berikut:

(i) Sistem pemerintahan

Kerajaan dibentuk untuk menguruskan pemerintahan di kota yang berkembang hasil daripada pembentukan bandar. Pada peringkat awal, pendeta mengetuai pemerintahan dan kemudiannya diganti oleh raja. Raja yang memerintah negara-kota akan dibantu oleh golongan bangsawan dan pendeta. Sistem undang-undang dibentuk untuk melicinkan dan melancarkan pentadbiran negara.

[2 *markah*]

(ii) Tulisan dan penyimpanan rekod

Sistem tulisan wujud 5,000 tahun lalu. Pengenalan tulisan membezakan kehidupan Zaman Prasejarah dan sejarah. Manusia mencipta tulisan menggunakan simbol abstrak untuk melahirkan pelbagai idea. Tulisan pertama menggunakan simbol gambar atau piktograf. Fungsi tulisan adalah untuk menyimpan rekod penting tentang diri dan masyarakat.

[2 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Senaraikan **dua** faktor yang menjamin kegemilangan sesebuah tamadun.

(i) Kekayaan sumber alam

(iii) Kebijaksanaan pemerintah

[2 *markah*]

**4.** (a) Terangkan perkembangan sistem demokrasi di Athens.

Diasaskan oleh Solon pada tahun 594 SM. Merupakan demokrasi langsung, iaitu setiap warganegara Athens terlibat secara langsung dalam perbincangan dan perdebatan bagi menentukan dasar dan peraturan di Athens termasuk soal ekonomi, politik dan sosial. Pada zaman pemerintahan Pericles (495 – 429 SM), penekanan diberikan kepada kuasa rakyat bagi memantapkan sistem demokrasi.

[3 *markah*]

(b) Sejauh manakah amalan demokrasi mengekalkan kestabilan politik di Athens?

(i) Rakyat mempunyai hak bersuara.

(ii) Rakyat terlibat dalam membuat keputusan politik negara.

(iii) Mengelakkan pemerintah berkuasa mutlak dan menyalahgunakan kuasa serta menindas rakyat.

[3 *markah*]

(c) Mengapakah kita harus mengekalkan amalan demokrasi di Malaysia?

(i) Menjamin kestabilan politik.

(ii) Mengukuhkan ekonomi.

(iii) Mengeratkan perpaduan kaum.

(iv) Mengekalkan keamanan negara.

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Bahagian C

[20 *markah*]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja.*

**1.** (a) Jelaskan tahap Zaman Air Batu berikut:

(i) Zaman Miosen

Berlaku 23 juta – 5 juta tahun dahulu. Gunung-ganang terbentuk secara fizikal. Wujud mamalia, hidupan di laut dan di air. Suhu dunia panas dan kering.

[3 *markah*]

(ii) Zaman Pliosen

Berlaku 5.3 juta – 2.6 juta tahun dahulu. Berlaku penyejukan global Zaman Miosen yang lebih panas. Penyejukan dan pengeringan alam sekitar global pada masa itu menyumbang kepada penyebaran padang rumput dan savana. Terbentuk jambatan darat Panama antara Amerika Utara dan Amerika Selatan yang mendorong penghijrahan tumbuhan dan haiwan ke habitat baharu. Terbentuk dataran tinggi seperti di Colorado, Amerika Syarikat yang dikenali sebagai Grand Canyon.

[3 *markah*]

(b) Gambar berikut menunjukkan Zaman Air Batu Akhir.



Terangkan ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir.

Suhu dunia terlalu sejuk. Dunia dilitupi salji terutama di kawasan kutub dan benua Eropah. Permukaan air laut membeku menyebabkan sebahagian besar bumi dilitupi salji. Paras air laut rendah. Pulau-pulau bersambung dengan tanah besar. Memudahkan manusia dan binatang bermigrasi. Binatang seperti mamot berbulu, badak, kuda dan singa tinggal di kawasan tanah pamah yang sejuk. Tumbuhan utama ialah rumput dan tumbuhan renek yang menjalar. Terdapat manusia yang tinggal di kawasan tanah pamah yang sejuk dan hidup secara nomad dan memburu binatang.

[6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada pengetahuan Zaman Air Batu.

Mengetahui sejarah bumi, membantu manusia menghadapi cabaran pada masa depan, bersyukur dengan keunikan bumi, mempelajari cara menangani perubahan iklim, mengekalkan kelestarian alam sekitar dan memelihara bumi daripada pencemaran.

[8 *markah*]

**2.** (a) Jelaskan sumbangan tokoh berikut:

(i) Maharaja Shi Huangdi

Pemimpin Dinasti Qin. Bertanggungjawab menyatukan China. Mengukuhkan kestabilan politik. Berlaku kemajuan dalam bidang ekonomi dan sosial.

[3 *markah*]

(ii) Maharaja Han Wu Di

Pemimpin Dinasti Han. Mencapai kemajuan dalam bidang perdagangan melalui pembukaan Laluan Sutera yang merupakan laluan perdagangan daratan yang terpanjang di dunia melibatkan China hingga empayar Rom. Kemajuan dalam bidang pentadbiran dan sosial. Melaksanakan sistem pemilihan pegawai perkhidmatan awam.

[3 *markah*]

(b) Gambar berikut menunjukkan peperiksaan perkhidmatan awam di China.



Terangkan matlamat sistem pendidikan dalam tamadun China.

Memilih pegawai kerajaan. Memupuk nilai moral dan etika. Lulus peperiksaan perkhidmatan awam. Mengekalkan ajaran Konfusianisme. Membezakan golongan elit dengan golongan rakyat. Membolehkan negara ditadbir dengan cekap dan berkesan. Meletakkan golongan terpelajar di hierarki teratas diikuti petani, artisan dan pedagang.

[6 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, apakah kesan jika generasi muda pada hari ini tidak mementingkan pendidikan dalam kehidupan?

Menjadi manusia yang ketinggalan dan mundur. Berjawatan rendah dan gaji yang kecil. Sering dihina dan ditindas. Mudah ditipu dan dibuli. Mudah terpengaruh oleh gejala sosial. Mudah terlibat dengan jenayah.

[8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.